



Model Penggunaan Produk Farmasuetikal Tidak Halal Ketika Darurah

Fiqh
Kepenggunaan

The Consumption Model of Non-Halal Pharmaceutical Products During Harmful Condition

01

MOHD HAPIZ MAHAIYADIN (Corresponding author)
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
mohdhapiz659@uitm.edu.my

Submitted: 31 July 2019
Revised: 16 August 2019
Accepted: 29 October 2019
E-Published: 31 October 2019

ROSHAIMIZAM SUHAIMI
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,
Permatang Pauh, Pulau Pinang
roshaimizam@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini akan membincangkan kaedah penggunaan produk farmasuetikal yang mengandungi sumber haram (*muharramat*) ketika darurah yang merupakan suatu keadaan kritikal yang dipercayai dapat mengancam keselamatan nyawa dan fizikal seseorang. Kaedah tersebut menjadi panduan kepada mangsa darurah (*mudtar*) untuk mematuhi kaedah penggunaan yang selari dengan syariah. Kajian ini berbentuk kualitatif yang akan menganalisis kandungan teks fekah silam mengenai pembahagian dan kaedah penggunaan *muharramat* khususnya babi, bangkai, darah dan arak. Penganalisan teks ini semula amat penting bagi mencapai objektif kajian iaitu menetapkan kaedah penggunaan *muharramat* ketika darurah masa kini. Hal ini penting disebabkan kejayaan teknologi farmasuetikal hari ini menghasilkan beberapa produk ubat-ubatan daripada pelbagai sumber haram seperti gelatin, plasma darah, gliserin dan alkohol yang digunakan secara meluas. Penggunaan sebahagian produk tersebut juga perlu dibahaskan dalam kes darurah semasa. Kedudukan setiap *muharramat* yang berbeza akan dianalisis dari segi kategori, dominasi dan kesan haramnya dalam konteks hukum Islam. Oleh itu, kajian ini telah mengkategorikan sumber haram kepada haram *muttafaq alayhi* dan *mukhtalaf fihi* sebagai medium baharu yang relevan dalam penstrukturan semula pelbagai *muharramat* kontemporari dalam ubat-ubatan. Hasilnya, akan dikemukakan sebuah model penggunaan produk farmasuetikal tidak halal ketika darurah yang boleh menjadi panduan kepada semua pengguna Islam.

Kata kunci: Darurah, *Muharramat*, Penggunaan, Ubat-ubatan dan Farmasuetikal





ABSTRACT

This study will discuss the methods of consuming a pharmaceutical product that contains illegal sources (*muharramat*) when a critical condition of harmful (*darurah*) would endanger one's life and physical safety. These methods become guidelines for the victims (*mudtar*) to follow the syariah tenet. This study is a qualitative study that will analyze the contents of the preceding texts on the classification and method of applying *muharramat* items especially pigs, carrion, blood and wine. The analysis of the texts is essential to achieve the objective of the study, which is to establish the method of applying *muharramat* items at the current time. This is important with regards to the success of current pharmaceutical technology that produces several medicinal products from various illegal sources and widely used such as gelatin, blood plasma, glycerin and alcohol. The use of some of these products also needs to be debated in the current *darurah* case. The position of each different *muharramat* will be analyzed in terms of its category, dominance and its illegal impact in the context of Islamic law. Therefore, this study has categorized the sources of *haram muttafaq alayhi* and *haram mukhtalaf fihi* as new relevant medium in the restructuring of various contemporary *muharramat* in medicines. As a result, there will be a model of non-halal pharmaceutical products when *darurah* which can be a guide for all Muslim consumers.

Keywords: *Darurah, Muharramat, The Use, Medicine and Pharmaceutical*

PENDAHULUAN

Darurah merupakan suatu kesulitan kritikal yang berpotensi menjejaskan *daruriyyat al-khams* (agama, nyawa, keturunan, akal dan harta). Hal ini, menjadi salah satu sebab keuzuran syarie yang layak diberikan rukhsah. Kelonggaran ini berpaksikan beberapa ayat al-Quran (al-Baqarah: 173; al-Maidah: 3; al-An'am: 119 dan 145; al-Nahl: 115) dan sunah Nabi SAW yang memerintahkan umat Islam supaya menjauhi pelbagai kemudahan termasuk ancaman darurah terhadap nyawa dan fizikal. Petunjuk nas-nas tersebut dibahaskan oleh para fuqaha silam seperti al-Syafi'i (2001), al-Jassas (1992), al-Juwayni (1979), al-Sarakhsi (2000), al-Ghazali (1993), Ibn al-Arabi (2003), Izz al-Din Ibn Abd al-Salam (1990), al-Qarafi (2001), al-Syatibi (t.t), al-Suyuti (1998), dan Ibn Nujaym (2005).

Keadaan darurah membenarkan penggunaan *muharramat* (Ali Haydar, 2003). Namun, keharusan *muharramat* dalam kes darurah tidak tertumpu kepada aspek pemakanan sahaja, malah turut mencakupi pelbagai aspek darurah lain seperti penyakit berbahaya yang memberikan implikasi negatif terhadap *daruriyyat al-khams*. (Al-Bahusayn, 2001). Lantaran itu, al-Zuhayli (1985) menggariskan sebanyak 14 faktor darurah iaitu makanan (*ghiza'*), rawatan (*dawa'*), paksaan (*ikrah*), lupa (*nisyan*), kejahilan (*jahl*), kesusahan (*cusr*) dan kesulitan umum (*umum al-balwa*), pengembaraan (*safar*), penyakit (*marad*), kekurangan/kecacatan semula jadi (*al-naqs al-tabii'y*), pertahanan diri (*al-difa' al-syar'ie*), mengutamakan darurah daripada qiyas (*istihsan al-darurah*), masalah disebabkan darurah (*al-maslahah al-mursalah li*



al-darurah), dan budaya (*urf*). Faktor-faktor tersebut boleh terjadi sama ada disebabkan pengaruh unsur luaran atau dalaman manusia, atau disebabkan unsur semula jadi dan juga akibat tindakan manusia sendiri (Jamil Mubarak, 1998; Abu Zayd, 2005; Mahmud al-Zayni, t.t)

Walau bagaimanapun, keharusan penggunaan bangkai, darah, babi, arak dan pelbagai *muharramat* ketika darurat tertakluk kepada tatacara serta syarat penggunaan yang ketat dalam tempoh terhad (Al-Suyuti, 1998 ; Ibn Nujaym, 2005). Penggunaan tersebut perlu dilakukan secara berhati-hati iaitu dengan memilih sumber paling minimum dalam kadar yang berpatutan sehingga keadaan darurat tamat (Al-Zarqa, 1989). Namun, praktik ini hanya dapat dilakukan setelah mangsa darurat (*mudtar*) mengetahui kaedah penggunaan yang betul. Justeru, tatacara penggunaan *muharramat* berkaitan dengan pengambilan ubat-ubatan tidak halal perlu diformulasikan dalam sebuah kerangka yang lebih sistematik.

Objektif

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai seperti yang berikut:

- i. Membincangkan konsep *muharramat* dalam wacana fiqh klasik.
- ii. Mencadangkan penstrukturan semula pelbagai sumber haram kontemporari dalam produk farmaseutikal.
- iii. Mengemukakan panduan penggunaan ubat-ubatan yang tidak halal ketika darurat dalam sebuah model yang lebih sistematik

Metodologi

Kajian ini akan melakukan analisis terhadap kandungan teks daripada sumber rujukan hukum Islam yang autoritatif. Semua data dan maklumat mengenai darurat dan *muharramat* diperoleh daripada buku-buku fekah, kaedah-kaedah fekah, maqasid syariah dan usul fekah yang autentik.

Dua jenis metod analisis telah digunakan. Pertama, analisis konseptual yang melakukan penelitian terhadap hierarki penggunaan *muharramat* klasik daripada karya fekah empat mazhab. Kedua, analisis relational atau semantik yang mengkaji hubungan konsep *muharramat* dengan aplikasi darurat. Hubungan antara kedua-duanya diperhatikan dalam wacana fuqaha dan metodologi ijtihad digunakan oleh mereka seperti teknik penghujahan, kritikan dan pentahkikan pandangan yang kuat.

Akhir sekali, rumusan konseptual tentang kaedah penggunaan *muharramat* akan dikemukakan dalam suatu Model Penggunaan Produk Farmasuetikal Tidak Halal Ketika Darurah. Hal ini kerana, penggunaan *muharramat* bagi menyelamatkan nyawa dan diri mukalaf daripada kemudaratan hanya dapat dilakukan dengan betul setelah mangsa darurat (*mudtar*) mengetahui hierarki penggunaan yang jelas.

Kerangka asas model kajian ini telah dibuat penambahbaikan setelah dibentangkan dalam sebuah bengkel perbincangan pakar fatwa dan pakar pergigian di Institut



Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Antarabangsa (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan pada 6 Jun 2015. Lantaran itu, pembinaan model kajian ini merupakan suatu sumbangan akademik yang inovatif dalam kajian kepenggunaan halal.

FARMASEUTIKAL DAN KAITANNYA DENGAN UBAT-UBATAN

Perkataan farmaseutikal mempunyai kaitan dengan ubat-ubatan atau farmasi (Kamus Dewan, 2013). Farmakologi ialah kajian mengenai bahan perubatan (ubat) yang dipanggil farmaseutikal. Bidang ini menyentuh komposisi dadah, kandungan dadah, interaksi, ketoksidan, dan kesan-kesan yang diingini yang boleh digunakan dalam terapi penyakit. Farmaseutikal boleh disediakan dalam pelbagai jenis bentuk farmakologi. Bentuk yang paling biasa ialah pil, tablet dan kapsul (ms.m.wikipedia.org/wiki/Farmakologi).

Farmaseutikal halal di Malaysia tertakluk kepada pematuhan prinsip-prinsip syariah seperti dinyatakan dalam MS2424:2012 Farmaseutikal Halal-Garis Panduan umum:

- i. Tidak mengandungi apa-apa bahagian atau bahan bersumberkan manusia.
- ii. Tidak mengandungi mana-mana bahagian haiwan yang dilarang untuk digunakan atau dimakan oleh orang Islam menurut perundangan, atau yang tidak disembelih menurut perundangan syariah.
- iii. Tidak mengandungi apa-apa bahan atau organisma ubah suai genetik yang dianggap sebagai najis menurut perundangan syariah.
- iv. Tidak disediakan, diproses, dikilang atau disimpan dengan apa-apa peralatan yang tercemar dengan bahan yang dianggap najis menurut perundangan syariah.
- v. Semasa penyediaan, pemprosesan, pengilangan atau penyimpanan, produk farmaseutikal tidak terlibat secara langsung atau berdekatan dengan apa-apa jua bahan yang tidak memenuhi kriteria seperti di atas.
- vi. Tidak membahayakan pengguna.

Berdasarkan garis panduan tersebut, standard farmaseutikal halal perlu merangkumi rangkaian bekalan yang mematuhi syariah daripada bahan mentah sehingga produk akhir. Namun, antara isu yang menghantui pengguna Islam berhubung dengan produk farmaseutikal import ialah penggunaan beberapa sumber tidak halal seperti gelatin, gliserin, enzim daripada haiwan seperti babi dan sebagainya.

Menurut Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), terdapat tiga buah syarikat farmaseutikal utama yang membekalkan ubat-ubatan dan suplemen vitamin untuk pasaran Malaysia. Syarikat-syarikat terbabit iaitu Eli-Lilly, Parke-Davis dan RP Scherer dikenal pasti mengeluarkan kapsul gelatin keras yang diperbuat daripada kulit babi dari Amerika. Di Kanada pada setiap tahun, Parke-Davis dan RP Scherer telah menggunakan hampir 60 peratus daripada gelatin yang berasal daripada kulit babi. Maklumat tersebut didedahkan dalam sebuah buku yang diterbitkan oleh Pusat



Dagangan Antarabangsa UNCTAD/GATT berjudul *Gelatine: An Overview of the World Market with Special reference to the Potential for Developing Countries*.

Penggunaan bahan berasal daripada babi khususnya amat banyak digunakan dalam penghasilan ubat-ubatan. Menurut Abdul Halim Ihsan (2013), penyelidikan terkini mendedahkan asal usul sebatian, kandungan dan bahan ubat-ubatan yang dikilangkan di seluruh dunia. Buku bertajuk *The Halal Index, Volume 1: Pig Based Pharmaceuticals* telah menyenaraikan 54 bahan berasal daripada babi yang berkait dengan 3000 jenis ubat, di samping membawakan senarai contoh ubat-ubatan dan pengilang dalam pasaran tempatan dan luar negara.

Antaranya, ubat jenama Norzyme® yang mengandungi bahan aktif Amilase (*amylase*) yang diperolehi daripada pankreas babi. Terdapat anggaran sebanyak 217 jenis ubat serupa yang dikenal pasti mengandungi *amillase* dengan pelbagai nama dagangan (Abdul Halim Ihsan, 2013).

Selain itu, *heparin* yang diambil daripada *mukosa* usus babi dijadikan sebagai agen *antikoagulasi* (memberhentikan pembekuan darah) (Asmak Ali et.al, 2012). Contoh ubatnya ialah Heparin Injection yang dikilangkan oleh Pfizer. Suntikan ini digunakan terhadap pesakit yang menjalani pembedahan dan wanita mengandung bagi mengurangkan risiko pembentukan darah beku. Dianggarkan terdapat sebanyak 413 jenis ubat yang mengandungi heparin dengan pelbagai nama dan pengeluar dalam pasaran (Abdul Halim Ihsan, 2013). Clexane dan Fraxiparine ialah dua jenama ubat yang digunakan bagi mencegah serta merta formulasi pembekuan darah. Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah mengesahkan bahawa wujudnya enzim babi dalam kandungan kedua-dua jenis ubat tersebut. Hal ini kerana kedua-dua jenis ubat ini terbentuk daripada Low Molecular Weight Heparin (LMWH) yang merupakan unsur yang terbentuk daripada heparin. Heparin merupakan sumber biologi yang diambil daripada usus babi (Mohd Hapiz, 2016).

Dalam rawatan ulser kaki kronik, thrombosis dan kerosakan buah pinggang akibat penyakit diabetes, terdapat sebanyak 14 jenis ubat yang menggunakan bahan bernama sulodexine seperti Vessel Due F®. Bahan tersebut diperolehi daripada mukosa usus babi.

Pelalian vaksin Meningococcal Meningitis A dan C diwajibkan kepada bakal jemaah haji dan umrah sejak tahun 1988. Pada tahun 2002, pihak kerajaan turut mewajibkan penggunaan vaksin jenis A, C, Y W135 yang dikenali Meningococcal Meningitis Quadrivalent (ACYW135). Antara vaksin tersebut ialah jenama Menomune® Injection dihasilkan oleh syarikat Aventis Pharma daripada sumber bovine (lembu), porcine (babi) dan avian (itik) di samping susu, limpa dan bulu itik (Mohd Hapiz, 2016).

Dalam industri farmaseutikal juga, gliserin digunakan untuk meningkatkan kelancaran, sebagai bahan pelincir dan humectant (bahan penyerap kelembapan dan mengelak produk menjadi kering). Di samping itu, bahan ini juga terdapat dalam produk seperti



sirap ubat batuk, ubat titis mata, ubat kumur, ubat topikal untuk yis dan jangkitan bakteria dan lain-lain (Rossi M.H, t.t).

Perkara ini bukan sesuatu yang pelik pada hari ini. Kebanyakan syarikat farmaseutikal antarabangsa, yang menguasai pembuatan dan penghasilan pelbagai jenis ubat juga datang dari negara-negara bukan Islam seperti Amerika Syarikat dan Eropah. Terdapat 12 buah syarikat besar seperti Johnson & Johnson (AS), Pfizer (AS), Roche (Switzerland), GlaxoSmithKline (UK), Novartis (Switzerland), Sanofi (Perancis), Astra Zeneca (UK-Sweden), Abbott Laboratories (AS), Merck & Co (AS), Bayer HealthCare (Jerman), Eli Lilly (AS) dan Bristol Myers Squibb (AS) (http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_pharmaceutical_companies).

Dalam kajian indek ubat-ubatan halal, didapati syarikat seperti Nordmark, Wyeth-Ayeth, Pfizer, Polisan, Vetter Pharma-Fertigung, Organon, Watson Pharmaceuticals, GE Healthcare, Novartis, Bayer Schering Pharma, Sanofi-Aventis menghasilkan pelbagai produk farmaseutikal yang mengandungi bahan bersumberkan babi dan *muharramat* lain (Abdul Halim Ihsan, 2013).

KONSEP MUHARRAMAT

Muharramat (kata tunggalnya *muharram*) berasal daripada kalimah haram yang merupakan salah satu daripada *al-ahkam al-taklifiyyah* (Abu Zuhrah, t.t; Khallaf, t.t). Haram merupakan lawan kepada maksud halal iaitu sesuatu yang dilarang sama ada berdasarkan perintah syarak, undang-undang dan logik pemikiran manusia (Abu al-Baqa, t.t; Sa'di Abu Jib, 1998).

Daripada segi istilah, haram dihuraikan sebagai perkara yang diharamkan syarak (al-Zuhayli, 1997) atau apa-apa yang dilarang secara tegas oleh syarak daripada melakukannya (Khallaf, t.t; Abu Zuhrah, t.t; Jad al-Haqq, 1998). Haram juga suatu ciri atau sifat dalam pertuturan atau perbuatan yang dicegah oleh syarak secara tegas melalui nas-nas yang jelas dalam al-Quran dan sunah (al-Baz, 2008).

Setiap yang haram mengandungi *mafsadah* dan kemudaratan sama ada *mafsadah* itu menjejaskan *daruriyyat al-khams* manusia secara mutlak (*mafsadah khalisah*) ataupun secara dominan (*mafsadah ghalibah*). Perkara ini menjadi suatu prinsip hukum fiqh dalam pengharaman sesuatu perkara yang mendatangkan mafsadah kepada orang ramai ataupun boleh menyebabkan terluputnya masalah. Semua *muharramat* pasti memiliki salah satu daripada sifat tersebut (al-Anbari, 1997).

Al-Quran, Sunnah dan ijmak ulama telah mengharamkan beberapa sumber makanan (haiwan dan tumbuhan) kerana mengandungi keburukan kepada *daruriyyat al-khams* secara langsung atau tidak langsung. Contohnya daging babi, darah, air kencing manusia, muntah dan tahinya, arak, nanah, air mazi dan air wadi, daging bangkai haiwan darat yang mengalir darah, daging dan susu haiwan yang tidak boleh dimakan serta organ yang diambil daripada haiwan masih hidup (Al-Zuhayli, 1989). Malah, jika sesuatu sumber itu boleh memudaratkan kesihatan manusia, maka sumber



berkenaan turut diharamkan seperti hasis (*cannabis*), candu (*opium*), safron dan buah pala (*nutmeg*) (Abu Zayd, 2005).

Kategori Muharramat

Para fuqaha silam membahagikan *muharramat* kepada dua kategori utama iaitu *haram li zatihi* dan *haram li ghayrihi* (Khallaf, t.t; Jad al-Haqq, 1988; al-Anbari, 1997). *Haram li zatihi* ialah sesuatu yang diharamkan sejak asal kerana zat dan bentuknya sendiri seperti arak, darah, air kencing, daging babi, bangkai dan sebagainya. Ia juga diharamkan kerana mengandungi *mafsadah* dan kemudaratan terhadap *daruriyyat al-khams* secara langsung (Abu Zuhrah, t.t). Hukum kategori ini adalah tetap dan menjadi suatu peraturan hukum yang tetap. Tidak ada alasan yang boleh mengharuskannya kecuali kes darurat (Ibn Abd al-Salam, 1990).

Haram li ghayrihi pula merupakan sesuatu yang diharamkan kerana sebab-sebab luaran atau dapat menimbulkan *mafsadah* dan kemudaratan secara tidak langsung terhadap elemen *daruriyyat al-khams*. Ia pada asalnya terdiri daripada sesuatu yang harus tetapi menjadi haram kerana beberapa faktor seperti yang berikut:

- i. Penggunaan tidak sah seperti barang curi, hasil rompak dan haiwan yang tidak disembelih mengikut kaedah syarie,
- ii. Pendorong kepada haram li zatihi seperti melihat aurat wanita, berkhawat tanpa mahram dan bersolat dengan memakai pakaian curi,
- iii. Penyebab kepada kemudaratan secara tidak langsung terhadap elemen *daruriyyat al-khams* seperti penyalahgunaan dadah, morfin, heroin dan pil kuda (*methamphetamine*) yang menyebabkan ketagihan dan hilang kawalan diri kepada penggunaanya, serta;
- iv. Berwaspada (*ihtiyat*) kerana berlaku percampuran sumber halal dengan sumber haram yang menimbulkan kekeliruan (*syubhah*) kepada pengguna (Albahusayn, 2001; Humayd, 1982).

Fuqaha turut membincangkan hukum perubahan bentuk (*form*) sesuatu benda daripada asal yang halal kepada haram atau haram kepada yang halal. Proses perubahan tersebut dinamakan *istihalah* seperti arak menjadi cuka dan bangkai binatang menjadi garam. *Istihalah* dijelaskan sebagai suatu proses perubahan yang berlaku terhadap benda najis seperti arak bertukar menjadi cuka, najis yang dibakar menjadi abu, darah kijang menjadi kasturi dan kulit binatang yang disamak (Ibn Abidin, 1992; al-Hattab, 1995; Al-Ramli, 2003; al-Bahuti, 2003).

Secara umumnya, *istihalah* diterima oleh semua fuqaha sebagai instrumen pembersihan terhadap najis dan *muharramat* yang berubah kepada unsur lain. Para fuqaha dalam kalangan Hanafiyyah (Ibn Abidin, 1992) ; al-Kasani, 2003), Malikiyyah (Al-Disuqi, t.t), Zahiriyah (Ibn Hazm, t.t), Ibn Taymiyyah (2004), dan Ibn al-Qayyim (2002) menganggap *istihalah* dapat membersihkan semua jenis *muharramat* dan najis yang berubah. Sementara sebahagian fuqaha yang lain seperti Syafi'iyah (Al-Ramli, 2003), Hanabilah (Ibn Qudamah t.t) dan Abu Yusuf (Ibn Abidin, 1992; al-Kasani, 2003) menurut



satu pandangan yang menyempitkannya dalam jenis benda yang dinaskan syarak sahaja. Dalam kajian ini, sumber berasal daripada *istihalah* dimasukkan dalam kategori haram *mukhtalaf* fihī disebabkan ia tidak dihukumkan bersih menurut mazhab Syafi'i yang diamalkan di Malaysia (Al-Ramli, 2003).

Perbezaan antara dua kategori *muharramat* di atas termasuk perbezaan pandangan mengenai sumber daripada proses *istihalah*, telah menunjukkan secara implisit bahawa semua *muharramat* tidak berada dalam suatu standard yang sama. Fakta ini menunjukkan *mudtar* perlu mengenal pasti kriteria setiap *muharramat* sebelum menentukan jenis makanan yang pertama yang perlu dimulakan.

Kaedah Penggunaan *Muharramat* Dalam Tradisi Fuqaha Silam

Para fuqaha telah membahaskan tentang kaedah penggunaan *muharramat*, namun tidak bersepakat dalam menentukan jenis dan bahan yang perlu diambil jika pengguna berhadapan dengan dua atau lebih sumber haram. Menurut Ibn Hazm (t.t), ketika darurah syarak memberikan kebebasan untuk menggunakan pelbagai *muharramat* sehingga kenyang (sihat) tanpa membezakan antara satu jenis dengan jenis haram yang lain.

Majoriti fuqaha Hanafiyah, Malikiyyah, Syafi'iyah dan Hanabilah pula menetapkan penggunaannya mesti bermula dengan *muharramat* paling ringan berdasarkan kaedah *irtikab akhaff al-dararayn* (memilih mudarat paling ringan). Mangsa darurah seharusnya memilih kemudatan lebih ringan untuk mengelakkan daripada kemudatan lebih besar demi keselamatan nyawa, akal dan *daruriyyat al-khams* lain (Ibn Rajab, 1999). Seseorang itu diharuskan memakan bangkai, daging babi dan minum arak kerana kesan mudaratnya agak ringan berbanding dengan membiarkan nyawa terdedah kepada maut jika tidak menggunakannya.

Sementara itu, Malikiyyah menetapkan *muharramat* yang lebih ringan seperti bangkai mesti diutamakan daripada daging babi atau bangkai diutamakan daripada buruan di Tanah Suci yang masih hidup selagi mana bangkai itu masih elok dan tidak memudatkan. Jika telah berubah dan busuk, maka barulah buruan dibenarkan. Begitu juga, perkara yang perlu diutamakan ialah *muharramat* yang lebih bersih seperti makanan milik orang berbanding dengan bangkai (Al-Hattab, 1995). Kebiasaannya manusia akan bermurah hati memberikan miliknya kepada orang yang kelaparan. Pandangan ini menjadi pilihan Wahbah al-Zuhayli (1989).

Terdapat laporan bahawa Imam Malik menegaskan bahawa makanan milik orang (yang bersih) lebih disukainya daripada memakan bangkai dengan syarat tidak berlaku fitnah terhadap *mudtar* seperti dipukul atau dituduh mencuri. Jika tidak, yang lebih baik ialah memakan bangkai (al-Hattab, 1995).

Hal ini berbeza dengan majoriti Hanafiyah, Syaficiyyah dan Hanabilah yang mendahulukan bangkai berbanding dengan makanan orang lain ataupun buruan di Tanah Suci. Ini kerana keharusan bangkai adalah bersumberkan nas manakala yang



lain hanya disabitkan dengan ijihad. Dalam hal ini, ketetapan nas perlu diutamakan daripada ijihad di samping terdapat pandangan bahawa syariat Islam memperketat penggunaan hak manusia berbanding dengan hak Allah yang selalu diperluaskan (Al-Suyuti, 1998). Namun, menurut Hanabilah *mudtar* wajib terlebih dahulu untuk meminta izin daripada pemilik makanan sebelum memakan bangkai. Mereka juga bertegas, jika terdapat dua jenis bangkai yang salah satunya berlaku khilaf (*mukhtalaf fih*), maka *mudtar* tidak boleh makan bangkai yang disepakati ulama (al-Bahuti, 2003).

Semua pandangan di atas diputuskan berdasarkan ijihad yang melihat isu ini daripada dimensi berbeza. Penyelidik mendapati darurat membenarkan *muharramat*, penggunaan apa-apa *muharramat* tanpa sebarang perbezaan, seperti dinyatakan oleh Ibn Hazm adalah kurang tepat daripada sudut penjagaan masalah manusia. Hal ini kerana syarak telah menetapkan penggunaan *muharramat* secara berhati-hati sewaktu darurat. Oleh itu, faktor perbezaan kandungan jenis haram antara *muharramat* seperti pandangan majoriti fuqaha perlu diperhatikan. Keberadaan dalam keadaan kritikal tidak menggugurkan hukum-hukum yang lain seperti mengutamakan sekuriti sumber makanan, kehormatan hak milik orang lain, kapasiti haram, budaya setempat selain faktor keselamatan diri sendiri. Hal ini menunjukkan semua fuqaha kecuali Ibn Hazm secara tidak langsung bersetuju bahawa penggunaan *muharramat* perlu bermula dengan risiko yang paling ringan terhadap keselamatan mangsa darurat dan juga hak pengguna lain.

Berdasarkan huraian di atas, dapat ditegaskan bahawa tatacara penggunaan seperti yang dinyatakan oleh jumhur fuqaha adalah menepati tuntutan kaedah fiqh *al-darurah tuqaddaru bi qadariha* dan *yukhtar ahwan al-sharrayn* (al-Suyuti, 1998; Ibn Nujaym, 2005). Walau bagaimanapun, intisari perbahasan fuqaha masih berlegar dalam kerangka pengkategorian *muharramat* lama seperti dinyatakan sebelum ini.

Pengkategorian Muharramat kepada Haram Muttafaq Alayhi dan Haram Mukhtalaf Fih

Kajian ini mendapati bahawa kerangka pengkategorian *muharram li zatihi* dan *muharram li ghayrihi* tidak berupaya untuk menstrukturkan kedudukan haram pada produk-produk masa kini yang dihasilkan daripada derivatif babi, bangkai dan darah. Terdapat dua alasan berikut:

- i. Skop kategori *haram li ghayrihi* terlalu luas mencakupi setiap perkara yang pada asalnya diharuskan tetapi dilarang kerana dapat menjejaskan kemaslahatan umum. Contohnya dadah ialah suatu yang harus tetapi menjadi haram kerana penyalahgunaannya boleh membahayakan nyawa manusia. Namun, pengharaman dadah tidak sama seperti daging babi, arak dan pelbagai *muharramat* yang bersifat mutlak.
- ii. Kesukaran untuk kita adalah bagi memposisikan status hukum benda atau bahan baharu yang berasal daripada derivatif *muharramat* melalui proses *istihalah*. Contohnya gelatin, plasma darah dan seumpamanya yang terdapat dalam produk makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Produk-produk *istihalah* tersebut difatwakan haram oleh fuqaha Syafi'iyah dan Hanabilah (yang



diamalkan di Malaysia). Sedangkan di sisi fuqaha Hanafiyyah dan Malikiyyah, produk-produk berkenaan adalah bersih dan seterusnya halal digunakan.

Lantaran itu, pelbagai jenis produk makanan haram masa kini lebih sesuai dibahagikan kepada dua kategori baharu *muharramat* iaitu:

- i. Benda haram yang disepakati (*haram muttafaq alayhi*), dan
- ii. Benda haram yang tidak disepakati (*haram mukhtalaf fihi*).

Pengkategorian baharu ini dianggap relevan untuk diaplikasi ke dalam pelbagai kandungan produk gunaan (khususnya farmaseutikal) masa kini berdasarkan penstrukturan strata dominasi haram setiap produk, daripada maksimum kepada minimum. Produk-produk tersebut dapat dijadualkan seperti yang berikut:

- i. Produk yang diperbuat daripada bahan *haram muttafaq alayhi* seperti babi, darah, bangkai dan arak. Contohnya seperti bah kut teh, pelbagai minuman beralkohol, luncheon dan sebagainya.
- ii. Produk yang diperbuat daripada benda atau bahan *haram mukhtalaf fihi* yang telah berubah (*istihalah*) bentuk dan sifatnya kepada benda baharu yang suci. Contohnya seperti gelatin, gliserin dan serbuk plasma darah yang menjadi bahan penting dalam pembuatan produk makanan, kapsul, pil, tablet, losen, sapuan dan peralatan kosmetik.
- iii. Produk yang diperbuat daripada benda atau bahan *haram mukhtalaf fihi* atau pun diragui kehalalannya yang bercampur dengan sumber halal. Contohnya seperti Emdogain® daripada Enamel Matrix Derivative (EMD) digunakan dalam rawatan periodontium atau Vaksin Meningitis Menomune® daripada sumber porcine.
- iv. Benda atau bahan *haram mukhtalaf fihi* disebabkan faktor-faktor luaran seperti menyebabkan *mafsadah* kepada manusia dan alam sekitar atau menyalahi undang-undang negara seperti bahan makanan dan ubatan yang diseludup dari negara jiran.

Selain itu, pengkategorian ini juga dapat memastikan interaksi dengan *muharramat* menepati syarat darurat yang menghadkan penggunaan secara minimum dan tidak menimbulkan kemudaratan lebih besar. Penggunaan yang minimum bukan sahaja menghadkan kuantiti kegunaan malah perlu juga memilih kategori haram yang lebih ringan.

Berdasarkan struktur di atas, penggunaan sebarang produk haram oleh *mudtar* perlu bermula dengan *muharramat* paling ringan kesan haramnya iaitu menggunakan produk haram *mukhtalaf fihi* sebelum menggunakan produk haram *muttafaq alayh*, atau menggunakan produk campuran haram *mukhtalaf fihi* yang *teristihalah* berbanding dengan campuran haram tidak *teristihalah*. Setelah semuanya tiada, baru *mudtar* dibenarkan menggunakan babi, arak, darah dan bangkai dalam bentuk mentah sebagaimana dinyatakan secara literal dalam al-Quran dan sunah.

Kaedah Penggunaan Ubat-ubatan Tidak Halal pada Masa Kini

Kaedah penggunaan produk farmaseutikal yang mengandungi sumber tidak halal seperti dibincangkan, dapat distrukturkan dalam sebuah model yang dinamakan Model Penggunaan Produk Farmasuetikal Tidak Halal Ketika Darurah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1:
 Model Penggunaan Produk Farmasuetikal Tidak Halal ketika Darurah

Kategori Haram	Komponen Haram	Sumber Haram	Sampel	Strata Haram
HR ^S	<i>Muharramat</i> daripada sumber asal (haram sepenuhnya)	Alkohol/ Arak	Wain, Bir & Samsu	HR ^S L4
		Porcine	Organ & komponen babi	
	<i>Muharramat</i> daripada sumber asal (semi halal)	Bovine	Organ & komponen lembu, kambing, kerbau tidak disembelih	HR ^S L3
	Ubat bercampur <i>muharramat</i> yang tidak terjadi <i>istihalah</i> bersama bahan-bahan halal	Alkohol/ Arak	Yomeishu	HR ^S L2
		Derivatif Porcine	Bah Kut Teh (yang direneh dengan daging babi)	
		Derivatif Bovine	Ubat tradisional daripada bahan buangan lembu & kuda (Tradisional India)	HR ^S L1
HR ^K	Ubat daripada derivatif <i>muharramat</i> yang telah mengalami <i>istihalah</i> (perubahan) sempurna atau hampir sempurna	Alkohol/ Arak	Lomotil Liquid (15%) Benadryl Elixir (14%)	HR ^K L3
		Derivatif Porcine	Emdogain®, BioGide®, Ossix Plus®, Vaksin Meningitis Menomune	
		Derivatif Bovine	BioMend®, Biosorb membrane, ConForm (ACE), BioOss, Vaksin Mencevax	HR ^K L2
	Ubat halal yang bercampur dengan sumber haram yang sedikit dalam komposisi halal yang dominan	Alkohol/ Arak	Cecair ubat, makjun & pil herba yang mengandungi < 1 % alkohol (ethanol)	HR ^K L1



Pada dasarnya, penggunaan ubat-ubatan tidak halal perlu mendapat nasihat daripada pakar perubatan terlebih dahulu selain pesakit berusaha untuk mencari alternatif halal yang berkesan. Dalam hal ini, para doktor sepatutnya mengesyorkan ubat yang paling minimum kepada pesakit.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, jika memerlukan penggunaan ubat-ubat tersebut, maka pesakit mesti mengikut hierarki berikut:

- i. Memilih ubat halal yang bercampur dengan sumber haram yang sedikit tetapi telah *istihlak* (terurai) dalam komposisi halal yang dominan (HR^K L1). Hal ini disebabkan unsur haram sedikit yang terurai telah hilang sifat bau, rasa dan warnanya dalam komposisi halal seperti dalam kes najis terjatuh dalam bahan cair (*al-mai'at*). Kesucian keseluruhan bahan asal dianggap tidak terjejas.
- ii. Sekiranya tiada, pesakit dibenarkan pula untuk menggunakan ubat yang dihasilkan daripada derivatif *muharramat* yang telah mengalami *istihlah* (perubahan) sempurna atau hampir sempurna (HR^K L2 dan HR^K L3). Kategori bahan ini lebih ringan daripada ubat yang mengandungi banyak bahan haram.
- iii. Sekiranya tiada, pesakit dibenarkan pula untuk menggunakan ubat halal bercampur dengan bahan haram yang banyak tetapi tidak *istihlak* bersama bahan-bahan halal (HR^S L1 dan HR^S L2). Ubat sama ada dalam bentuk cecair ataupun keras (kapsul dan tablet) yang diperbuat daripada campuran haram yang berlaku *istihlak*, masih dianggap ringan kesan haramnya berbanding dengan sumber haram yang tulen seperti ubat diperbuat daripada arak. Sekurang-kurangnya separuh kandungan lain masih daripada sumber halal yang dominan.

Contohnya seperti rawatan tradisional di India yang menggunakan najis kuda (*equus heminus*) untuk merawat demam kuning dan air kencing lembu untuk menghilangkan demam panas dan merawat kanser (Siti Zubaidah I, Norsuhana AH dan Fatan Hamamah Y, (2015)).

- iv. Hanya setelah tiada lagi jenis ubat-ubatan haram seperti dinyatakan dalam prosedur sebelum ini, pesakit diharuskan untuk menggunakan *muharramat* daripada sumber asal (*'ayn*) dalam bentuk kejadiannya seperti arak atau najis (HR^S L3 dan HR^S L4). Keharusan dalam konteks ini berpandukan faktor keyakinan bahawa dengan cara ini mampu menyembuh penyakit.

Hal ini terletak kepada keyakinan terhadap arak untuk dijadikan sebagai penawar. Jika terbukti mampu menyelamatkan nyawa atau meredakan penyakit kronik, penggunaan arak diharuskan seperti dalam kes *isaghah al-luqmah* sebagai kaedah penyelamat yang meyakinkan. Arak haram digunakan jika keberkesanannya gagal dibuktikan.



KESIMPULAN

Syariat Islam merupakan peraturan yang tidak membebankan manusia. Sewaktu berhadapan dengan keadaan darurat, syariah membenarkan umat Islam menggunakan beberapa *muharramat* seperti babi, darah, bangkai dan arak bagi menyelamatkan nyawa. Keharusan tersebut menjadi suatu petunjuk yang signifikan bahawa menjaga daruriyyat al-khams iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan akal manusia ialah satu kewajipan syarie. Kelonggaran atau *rukhsah* seperti demikian amat bertepatan dengan maqasid syariah yang melindungi kemaslahatan manusia.

Pada dasarnya, sesuatu yang haram tidak mudah menjadi halal. Walaupun ia dibenarkan ketika darurat, hal ini bukan bermaksud mangsa darurat boleh memakan sumber haram dengan sewenang-wenangnya. Para mangsa darurat perlu memahami bahawa kelonggaran tersebut hanya suatu pengecualian sementara waktu (*temporary*) daripada tuntutan hukum asal iaitu haram. Pada waktu biasa, babi, bangkai, darah dan arak haram digunakan secara langsung sebagai ubat dan kaedah penyembuhan penyakit.

Lantaran itu, sebarang penggunaan produk ubat-ubatan yang mengandungi sumber haram tersebut perlu ditangani dengan berhati-hati. Produk farmaseutikal tidak halal yang terpaksa diambil perlu bermula dengan produk paling ringan kesan haramnya iaitu menggunakan kandungan haram mukhtalaf fihī sebelum menggunakan kandungan haram *muttafaq alayh*, atau menggunakan produk campuran haram *mukhtalaf fihī* yang teristihalah berbanding dengan campuran haram tidak teristihalah. Setelah semuanya tiada, baru mangsa darurat dibenarkan menggunakan babi, arak, darah dan bangkai dalam bentuk mentah sebagaimana dinyatakan secara literal dalam al-Quran dan sunah.

Menerusi Model Penggunaan Produk Farmaseutikal Tidak Halal seperti diuraikan, setiap umat Islam akan dapat menggunakannya sebagai panduan penggunaan ubat-ubatan haram ketika menghadapi darurat. Hal ini penting bagi mengelakkan cara penggunaan yang menyalahi sempadan syariah. Walaupun dalam keadaan kritikal, syariah tetap menghendaki umat Islam mengutamakan masalah yang lebih baik dan menjauhi *mafsadah* yang lebih buruk. Oleh itu, langkah utama pemeliharaan masalah keselamatan nyawa mangsa darurat daripada sebarang keadaan berbahaya bermula dengan penggunaan *muharramat* yang paling ringan mafsadahnya terlebih dahulu.



RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Halim Ihsan (ed.) 2013. *Adakah Ubat-Ubatan Anda Halal?* edisi ke 1. Petaling Jaya: Phytorex Press Sdn. Bhd.

Abu al-Baqa, Ayyub ibn Musa. t.t. *Al-Kulliyat*. Adnan Darwish & Muhammad al-Misri (tahqiq). Beirut: Mua'assasah al-Risalah.

Abu Jib, Sa'di. 1988. *Al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan* (edisi ke2). Dimashq: Dar al-Fikr.

Abu Zayd, Jumanah Muhammad Abd al-Razzaq. 2005. *Al-Intif' bi al-a'yan al-muharramah min al-at'imah wa al-asyribah wa al-albisah* (edisi ke 1). Amman: Dar al-Nafa'is.

Abu Zuhrah, Muhammad. t.t. *Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi.

Al-Anbari, Abd Allah ibn Yusuf. 1997. *Taysir Ilm Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan.

Albahusayn, Ya'qub Abd al-Wahhab. 200). *Raf' al-Harj fi al-Syari'ah al-Islamiyyah Dirasah Usuliyyah Ta'siliyyah*. (Edisi ke 4). Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. 2003. *Kashshaf al-Qina'an Matn al-Iqna'*, Ibrahim Ahmad Abd al-Hamid (tahqiq). Riyadh: Dar Alam al-Kutub.

Al-Baz, Abbas Ahmad Muhammad. 2008. *Ahkam al-Mal al-Haram wa Dawabit al-Intifa' wa al-Tasarruf bihi fi al-Fiqh al-Islami* (edisi ke 1). Al-Abdali: Dar al-Nafa'is.

Asmak Ali et.al (2012), "*Halalkah Ubatan Kita*", E-Proceeding International Halal Conference (INHAC), 4-5 September 2012, h. 790.

David J. Hanson. t.t. *Alcoholic Content of Beer, Wine and Distilled Spirits*, www2.potsdam.edu/alcohol/Controversies/1107281458.html#VF170BmwrqA, Diakses pada 2 November 2014.

Al-Disuqi, Muhammad ibn Arafah. t.t. *Hasyiyah al-Disuqi ala al-Syarh al-Kabir*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Farmakologi, <ms.m.wikipedia.org/wiki/Farmakologi> (Diakses pada 23 Mei 2014).

Al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani. 1995. *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*. (Edisi ke 1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.



- Haydar, Ali. 2003. *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*. Saudi Arabia: Dar 'Alam al-Kutub.
- Humayd, Salih ibn Abd Allah. 1982. *Raf' al-Harj fi al-Syari'ah al-Islamiyyah Dawabituhu wa Tatbiqatuhu*. (Tesis Ph.D, tidak diterbitkan). Umm al-Qura University Makkah, Arab Saudi.
- Ibn Abd al-Salam, Izz al-Din Abd al-Aziz. 1990. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Mu'asasah al-Rayyan.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar. 1992. *Hasyiyah Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*. Edisi ke 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Arabi, Abu Bakr Muhammad ibn Abd Allah. 2003. *Ahkam al-Qur'an*. (Edisi ke 3). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad. t.t. *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Ahmad Muhammad Shakir (tahqiq). Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Din Ibn Ibrahim. 2005. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir 'Ala Mazhab Abi Hanifah al-Nu'man* (edisi ke 4). Al-Hafiz, Muhammad Mutic (tahqiq). Dimashq: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad cAbd Allah ibn Ahmad. t.t. *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn Rajab, Zay al-Din cAbd al-Rahman. 1999. *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam* (edisi ke 8), Shucayb al-Arnacut & Ibrahim Bajis (tahqiq). Beirut: Mua'ssasah al-Risalah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim. 2004. *Majmu' Fatawa*. Al-Madinah al-Munawwarah: Mujammak al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Musyaf al-Syarif.
- Jad al-Haqq, Ali Jad al-Haqq. 1988. *Simat al-Halal wa al-Haram*. Ali Ahmad al-Khatib (edit). Majallah al-Azhar Muharram, Terbitan 1409.
- Al-Jassas, Abu Bakr Ahmad Ibn Ali al-Razi. 1992. *Ahkam al-Qur'an*. Muhammad al-Sadiq Qamhawi (Tahqiq). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-cArabi.
- Al-Jizani. Muhammad Ibn Husayn. 2007. *Haqiqat al-Darurat al-Shar'iyyah wa Tatbiqatiha al-Mu'asirah*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Al-Juwayni, Imam al-Haramayn Abd al-Malik ibn Abd Allah. 1979. *Ghiyath al-Umam fi Illiyath al-Zalam*. Mustafa Hilmi dan Fu'ad Abd al-Mun'im (tahqiq). Alexanderia: Dar al-Da'wah.



- Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr ibn Mas'ud. 2003. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*. Ali Muhammad Mu'awwad & Adil Ahmad Abd al-Mawjud (tahqiq). (Edisi ke 2). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Khallaf, Abd al-Wahhab. t.t. *Ilm Usul al-Fiqh*. (edisi ke 8). Kaherah: Maktabah al-Dacwah al-Islamiyyah.
- "List of pharmaceutical companies.",
<http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_pharmaceutical_companies> (Diakses pada 9 Julai 2014)
- Mubarak. Jamil Ahmad. 1998. *Nazariyyat al-Darurah Hududuha wa Dawabituha*. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Muti'i, Muhammad Najib. t.t. *Takmilat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. 2006. *Halal Haram*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. 2001. *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq* (edisi ke 1), Muhammad Ahmad Sarraj & Ali Jumcah (tahqiq). Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi al-Abbas. 2003. *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. (Edisi ke 3). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, Syams al-Din Muhammad. 1993. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- _____ (2000). *Al-Mabsut*. Khalil Muhy al-Din al-Mayyis (tahqiq) (Edisi ke 4). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sallabi. Usamah Muhammad. 2002. *Al-Rukhas al-Shar'iyyah Ahkamuha wa Dawabituha*. Alexandria: Dar al-Eman.
- Siti Zubaidah I, Norsuhana AH dan Fatan Hamamah Y, "Penggunaan haiwan bagi perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat pribumi di Asia : Satu ulasan", GEOGRAFIAT™ Online Malaysia Journal of Society and Space, 8 Issue 2 (52-60) (2012), ISSN 2180-2491, Dimuat turun pada 26 Disember 2015, http://www.ukm.my/geografia/images/upload/6_Geografia-APR%202012-haiwan-siti%20zubaidah-usm-kat.pdf.
- Al-Syafi'i, Muhammad ibn Idris. 2001. *Al-Umm*. Rif'at Fawzi Abd al-Muttalib (tahqiq). (Edisi ke 1). Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Syatibi, Abu Isyaaq Ibrahim Ibn Musa. t.t. *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.



Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad ibn Abd Allah. 1994. *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh* (edisi ke 1). T.tp: Dar al-Kutbi.

Al-Zayni, Mahmud Muhammad Abd al-Aziz. t.t. *Al-Darurah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Qanun al-Wad'i Dirasah Muqaranah*. Alexandria: Mu'assasah al-Thaqafah al-Jami'iyah

Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (edisi ke 3). Dimashq: Dar al-Fikr.

_____. (1985). *Nazariyyat al-Darurah al-Syarciiyah Muqaranah Maca al-Qanun al-Wadciy*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah